بسم الله الرحمن الرحيم
مجلس دائرة تنگكق

PEJABAT BESAR,
MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 Tangkak, Johor

Telefon : 06-978 1261 / 978 2226
Fax No : 06-978 2670 / 978 5741
Laman Web : http://www.mdtangkak.gov.my

Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab

Di Letakkan di papan notis pada : **13.08.2017**

KENYATAAN TAWARAN
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada **Kontraktor-Kontraktor Bumiputera** yang berdaftar dengan **PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK)** dan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** mengikut kelas pendaftaran sebagaimana disyaratkan dalam tawaran yang masih sah tempohnya dan layak untuk menyertai kerja-kerja yang ditawarkan sebagaimana berikut :-

Bil Sebutharga	Butiran Tawaran / Tajuk Kerja	Gred	Kategori / Pengkhususan	Harga (RM)
MDT(SH) 27 / 2017 / PROJEK	Menaiktaraf Infrastruktur Asas Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada Bagi Sistem Perparitan Di Jalan Perindustrian Utama Di Kawasan Perindustrian Tanjung Agas Di Bawah Rancangan Malaysia Ke 11, MD Tangkak	G2	CE : CE21 dan CE 34	50.00
MDT(SH) 23 / 2017 / PROJEK	Menaiktaraf Sistem Perparitan Di Parit Bunga, Tangkak	G1	CE : CE21 dan CE 34	50.00
MDT(SH) 24 / 2017 / PROJEK	Kerja-Kerja Membina Parit Saliran Beserta Crossing Jalan Di Hadapan Taman Sri Saujana, Tangkak	G1	CE : CE21 dan CE 34	50.00
MDT(SH) 25 / 2017 / PROJEK	Menaiktaraf Parit Di Taman Sri Nilam Dan Lain-Lain Yang Berkaitan MD Tangkak	G1	CE : CE21 dan CE 34	50.00
MDT(SH) 26 / 2017 / PROJEK	Membina Dan Menyiapkan Tandas Awam Di Gerai Parit Hj. Othman MD Tangkak	G1	B : B04	50.00
MDT(SH) 28 / 2017 / PROJEK	Membekal Peralatan Untuk GYM Di Majlis Daerah Tangkak	G1	BIDANG 030501	50.00

2. Dokumen sebutharga akan dijual mulai daripada **13hb Ogos 2017 (Ahad)** sehingga **20hb Ogos 2017 (Ahad)** dari **8.00 pagi** hingga **4.00 petang** (semasa waktu pejabat) di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Tangkak, Peti Surat No. 63, 84907 Tangkak, Ledang dengan mengemukakan bayaran berupa Tunai/ Wang Pos / Cek bagi setiap set Dokumen Tawaran atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tangkak sebagai bayaran Dokumen Sebutharga.

3. Hanya **SEORANG** penyebutharga / wakil penyebutharga sahaja dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga. Hanya **PEMILIK ASAL** sahaja dibenarkan menjalankan urusniaga pembelian dokumen sebutharga. Penyebutharga juga boleh **MEWAKILKAN** pembelian dokumen sebutharga ini kepada wakilnya dengan membawa **SURAT PEWAKILAN KUASA** daripada syarikat serta membawa perakuan **PENDAFTARAN ASAL PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR (PKK) TARAF BUMIPUTRA** dan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB).** Hanya penyebutharga/ wakil penyebutharga yang mengikut syarat di atas dibenarkan menjalankan urusan pembelian dokumen sebutharga.

4. Setiap penyebutharga / wakil penyebutharga juga hendaklah hadir dengan membawa bersama salinan lesen **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (CIDB)**, **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB)** dan **Sijil Taraf Bumiputra (PKK)** yang telah **DISAHKAN** bagi tujuan rekod di Pejabat Majlis Daerah Tangkak.

5. Bagi penyebutharga kelas **G2** adalah **DIINGATKAN** supaya mengemukakan salinan **3 bulan terakhir akaun bank** serta **profile syarikat** bersama-sama dengan dokumen sebutharga semasa penghantaran dan dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga.

6. Bagi kontraktor yang berdaftar **(GST – Good Services Tax)** diminta mengemukakan salinan surat kelulusan pendaftaran semasa menghantar dokumen sebutharga untuk dimasukan dalam Peti Sebutharga bagi tujuan pengesahan sahaja.

7. Semua Dokumen Tawaran yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Daerah Tangkak sebelum jam **12.00 tengahari** pada **20hb Ogos 2017 (Ahad**

8. Majlis Daerah Tangkak tidak terikat samada menerima sebutharga terendah harganya atau sebarang tawaran.

(**EZAHAR BIN ABU SAIRIN**)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Tangkak,
Tangkak.

KHR/tika/Iklan Sebutharga/Julai 2017
Tawaran iklan ini dipamerkan di dalam Laman Web Rasmi Majlis Daerah Tangkak
http://www.mdtangkak.gov.my